

KETIDAKPATUHAN TERHADAP PERATURAN KEWANGAN



Tahukah anda?

1. AP 59 merupakan satu tatacara pembayaran bagi perolehan sesuatu bekalan, perkhidmatan atau kerja yang dipesan, dibekalkan atau dilaksanakan dengan suci hati tetapi tidak mematuhi peraturan kewangan yang berkuat kuasa.
2. AP 59 juga bertujuan untuk menentukan punca berlakunya ketidakpatuhan peraturan kewangan yang berkuat kuasa serta mengesyorkan tindakan ke atas pegawai bertanggungjawab selaras dengan ketetapan di bawah AP 59.

Tindakan Pencegahan

Berdasarkan syor Jawatankuasa Siasatan Dalaman peringkat Universiti bagi Pengurusan Pembayaran AP 59 adalah seperti berikut :

Pentadbir di PTJ hendaklah meningkatkan pengetahuan dan kecaknaan berkaitan dengan pengurusan kewangan dan peraturan baharu yang berkuat kuasa supaya dapat memberi nasihat yang lebih tepat kepada warga PTJ;

Sesuai program hanya dilaksanakan selepas dipastikan telah mendapat peruntukan yang mencukupi terlebih dahulu. Jika perlu, penilaian risiko hendaklah dilaksanakan bagi penganjuran program tersebut;

Ahli pengurusan, pentadbir dan semua pensyarah di Pusat Tanggungjawab (PTJ) yang akan terlibat dengan proses perolehan perlu menghadiri kursus dan latihan yang berkaitan dengan prosedur kewangan;

Sesuai program yang hendak dilaksanakan perlu dirancang dengan lebih teliti dan dibentangkan kepada pihak pengurusan PTJ semasa peringkat awal perancangan lagi untuk memastikan semua peraturan kewangan berkuat kuasa dipatuhi;

Pegawai kewangan atau wakil daripada Pejabat Bursar perlu dilibatkan dalam program di PTJ yang melibatkan peraturan kewangan agar pelaksanaan program mematuhi peraturan yang berkuat kuasa.

Rujukan :

WP 10.2 Pengurusan Pembayaran Di Bawah Arahan Perbendaharaan 59

Bahagian Governan dan Integriti
Pejabat Pendaftar
Universiti Putra Malaysia